

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 9 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1411-MQT0081
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan jangka pendek untuk meningkatkan keupayaan pertahanan udara.

2. PR-1411-MQT0078
Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan proses penstrukturan FELDA terkini yang dilaporkan mengalami masalah kewangan dan urus tadbir serta pengesahan sama ada Kilang Tawau Oil Product iaitu anak Syarikat Felda Vegetable Oil Products Sdn. Bhd. tidak ditutup operasinya.

3. PR-1411-MQT0079
Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan keselamatan kontinjen negara terutamanya para atlet dan petugas sepanjang tempoh Sukan Asia 2018 di Jakarta dan Palembang, Indonesia pada 18 Ogos hingga 2 September 2018 nanti serta apakah inisiatif Kementerian dalam memastikan maruah negara akan terus terbela dan tidak sewenangnyanya dipermainkan oleh mana-mana pihak di peringkat antarabangsa.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 9 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 16

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1411-L00629
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
 - (a) tindakan dan peranan yang bakal dimainkan Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) berhubung konflik yang kian meruncing di Palestin, Timur Tengah dan Rohingya; dan
 - (b) langkah jangka panjang untuk menangani kemasukan pelarian ke Malaysia.

2. PR-1411-L00645
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan berapakah jumlah usahawan Bumiputera yang telah dilahirkan mengikut pecahan setiap Kementerian sejak penubuhan Bahagian Pembangunan Usahawan Bumiputera di setiap Kementerian. Adakah bahagian itu akan dibubarkan dengan penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan. Jika ya, mengapa.

3. PR-1411-L00651
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan pendirian terhadap penggunaan "*cyanide*" di dalam perlombongan emas dan bolehkah kita mengharamkannya.

4. PR-1411-L00132
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan hospital pakar yang sedia ada di seluruh negara dan nyatakan langkah Kementerian bagi menambahkan lagi bilangan hospital pakar dan langkah Kementerian bagi meningkatkan bilangan doktor pakar sedia ada.
5. PR-1411-L00327
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah atau strategi jangka masa pendek dan jangka masa panjang Kerajaan dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menguatkan dan memulihkan integriti sistem dan proses pilihan raya di Malaysia.
6. PR-1411-L00712
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan projek yang telah dilaksanakan bagi menaik taraf jalan persekutuan di Jerai dan mekanisme pemantauan penyelenggaraan jalan yang rosak.
7. PR-1411-L01050
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa serius peratusan tahap penyalahgunaan dadah di kalangan rakyat Malaysia. Apakah langkah terkini Kementerian untuk membanteras penyalahgunaan dan penyeludupan dadah.
8. PR-1411-L00143
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah bilangan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) yang terlibat dalam rombakan jawatan selepas peralihan Kerajaan pasca PRU-14 yang lalu.
9. PR-1411-L00555
Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkaitan manifesto Pakatan Harapan bagi memastikan semua sekolah-sekolah Tamil di Malaysia akan dijadikan bantuan penuh terutama sekolah-sekolah di Parlimen Segamat :-
 - (a) yang masih dilihat sebagai jauh ketinggalan sehingga tiada bangunan yang sempurna bagi pembelajaran yang kondusif setaraf dengan sekolah-sekolah kebangsaan; dan
 - (b) apakah jangka masa yang ditentukan dalam merealisasikan manifesto Pakatan Harapan mengenai penyeragaman sekolah-sekolah Tamil di Malaysia terutama di kawasan Segamat.

10. PR-1411-L00453
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pembinaan Klinik Kesihatan Long Napir yang terbengkalai.
11. PR-1411-L00745
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peminjam PTPTN yang memperolehi gaji RM4,000 ke bawah setiap bulan berbanding dengan jumlah peminjam secara keseluruhan. Sama ada nama golongan ini akan dikeluarkan dari maklumat CCRIS memandangkan mereka belum lagi mencecah tahap pendapatan RM4,000 tersebut.
12. PR-1411-L00130
Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada akan meneruskan pelaksanaan Energy Efficient Vehicles (EEV) dan pelaksanaan dasar-dasar perundangan dan sistem baharu untuk air negara, kereta-kereta terbuang (Abandoned Vehicles), e-waste dan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).
13. PR-1411-L01352
Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kaedah terbaru yang difikirkan oleh Kementerian untuk meningkatkan sistem pendidikan di Malaysia yang ketika ini fokus kepada kedudukan dan peperiksaan (*examination and ranking*).
14. PR-1411-L01111
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kos sebenar projek ECRL, status kemajuan projek ECRL dan langkah bagi memastikan peluang pekerjaan untuk rakyat, kontrak dan kandungan bahan bersumberkan tempatan.
15. PR-1411-L00329
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan punca masalah kekurangan bekalan ubat di Hospital Kerajaan dan langkah yang telah/akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

16. PR-1411-L00395
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang meminda Akta Orang Asli 134 1954 (Disemak 1974) bagi memastikan hak masyarakat Orang Asli terjamin daripada segi undang-undang apabila tanah rizab Orang Asli hendak dibangunkan ataupun ketika berlaku pencerobohan ke atas tanah mereka.
17. PR-1411-L00010
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar Kerajaan tentang anak-anak angkat yang kewarganegaraan asal ibu bapa mereka tidak dapat dipastikan. Apakah nasihat Kementerian kepada anak-anak angkat tersebut yang gagal mendapat kad pengenalan.
18. PR-1411-L00912
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apa status yang terkini dengan pelaksanaan cadangan projek jalan yang telah diluluskan iaitu projek jalan luar bandar, Jalan Nanga Tada/SK Nanga Beguang/Nanga Sungai Iran, Song, Kapit, Sarawak.
19. PR-1411-L00313
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan terhadap pekerja asing yang tidak sah.
20. PR-1411-L01167
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian ada perancangan yang lebih baik untuk menggantikan Pentaksiran Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) yang bertindak untuk menilai dan melaporkan prestasi akademik pelajar serta kemahiran profesional yang diperolehi sepanjang pengajian mereka di universiti secara bersepadu.
21. PR-1411-L01089
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah perlu tambahan bajet untuk Kementerian Kesihatan kerana dilihat Kementerian ini merupakan Kementerian paling miskin yang mana stok ubat untuk setahun tidak mencukupi dan pemeriksaan darah juga tidak dapat dilakukan kerana kekurangan reagen.

22. PR-1411-L01071
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kos pelaksanaan GST dan apakah anggaran kos untuk pelaksanaan semula SST yang akan dilaksanakan pada suku keempat 2018.
23. PR-1411-L01229
Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah solusi terbaik bagi membendung peningkatan harga dan ubatan penyakit kritikal di Malaysia yang kian melambung.
24. PR-1411-L00536
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah Kerajaan Malaysia menarik balik Rayuan Malaysia berkenaan kes Pulau Batu Putih di Mahkamah Antarabangsa. Adakah keputusan menarik balik rayuan tersebut telah muktamad.
25. PR-1411-L00292
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk mengurangkan kadar pekerja asing selain membanteras campur tangan politik di dalam lambakan kemasukan pekerja asing seperti yang diamalkan sebelum ini.
26. PR-1411-L01370
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk menaik taraf atau meningkatkan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan di semua lapangan terbang seluruh negara terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak.
27. PR-1411-L01297
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan terdahulu telah mengambil langkah-langkah aktif untuk menyiasat dalang sindiket penyeludupan orang di Wang Kelian dan sekiranya ya, apakah status siasatan tersebut.
28. PR-1411-L00764
Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai berapakah jumlah rizab asing Bank Negara Malaysia pada awal tahun dan selepas Mei 2018.

29. PR-1411-L00777
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan polisi dan visi baru berkenaan dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula skim-skim di bawah Akta tersebut yang menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungan mereka.
30. PR-1411-L00122
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status Jalan Kanowit – Song – Kapit sekarang.
31. PR-1411-L00266
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah penjelasan daripada pihak Kementerian mengenai jumlah rasmi hutang Persekutuan setelah agensi penarafan antarabangsa, Moody's, menyatakan beban hutang Kerajaan pada kadar 50.8% daripada KDNK atau RM686.8 bilion berbanding kenyataan Menteri sebelum ini yang berjumlah melebihi RM1 trilion dan mengapakah Kementerian berkeras untuk tidak menggunakan *standard* antarabangsa dalam menentukan jumlah rasmi hutang persekutuan sehingga menyebabkan keyakinan pelabur asing hilang dan mengakibatkan lebih daripada RM1 bilion dana asing telah keluar meninggalkan saham tempatan di Bursa Malaysia.
32. PR-1411-L00702
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan persoalan mengenai banyaknya "*redundancy*" dan "*centralisation*" di antara Kementerian Wilayah Persekutuan dengan tiga PBT Wilayah Persekutuan iaitu DBKL, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan.
33. PR-1411-L00862
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status sebenar bantuan bulanan khas kepada para nelayan.
34. PR-1411-L01149
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan justifikasi penutupan sementara Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) kerana sistem ini merupakan satu sistem yang baik dan memudahkan ibu bapa untuk mengetahui maklumat peperiksaan dan prestasi anak-anak mereka. Adakah Kementerian tidak melihat bawah sistem ini wajar ditambah baik dan bukannya ditutup.

35. PR-1411-L00456
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana seorang Menteri Kewangan boleh menyatakan angka yang mengelirukan mengenai hutang negara hingga menyebabkan negara kehilangan keyakinan pelabur yang berurusan dengan Bursa Malaysia seperti yang terjadi pada awal penubuhan Kerajaan baru.
36. PR-1411-L00091
Dato' Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status pelaksanaan Jalan Balau - Banting Sri Aman yang telah diluluskan Kementerian sebelum PRU-14 di mana makmal nilai dan kejuruteraan telah pun siap dilaksanakan.
37. PR-1411-L00578
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk membantu rakyat dalam mendapatkan pinjaman bank bagi pembiayaan rumah mampu milik dan rumah pertama bagi belia memandangkan syarat dan prosedur Bank Negara Malaysia (BNM) yang begitu ketat.
38. PR-1411-L00221
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan pelan dan strategi Kerajaan Pusat bagi menggalakkan lebih ramai lagi peladang kecil sawit di Sarawak untuk meluaskan kawasan ladang mereka dan meningkatkan pengeluaran buah sawit supaya mereka dapat pulangan yang memuaskan dan terus dapat menaikkan tahap hidup rakyat di luar Bandar Sarawak. Berapakah peruntukan Kerajaan Pusat untuk tahun 2018 dalam tujuan seperti di atas.
39. PR-1411-L00502
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kedudukan sebenar elaun bantuan kepada nelayan. Adakah ia benar-benar dihentikan atau digantikan dengan program lain bagi meningkatkan taraf hidup mereka.
40. PR-1411-L00938
Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah program perumahan rakyat seperti Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di bawah Kerajaan terdahulu akan diteruskan ataupun tidak.

41. PR-1411-L01116
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Parlimen (Parliamentary Select Committees) dan mewujudkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang merupakan antara perancangan reformasi Parlimen sebelum ini.

42. PR-1411-L00964
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jelaskan apakah pertimbangan-pertimbangan yang diambil bagi menentukan sama ada projek-projek yang telah diumumkan oleh pentadbiran lalu wajar diteruskan, ditangguhkan atau dibatalkan.

43. PR-1411-L00616
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan justifikasi pihak Kerajaan meluluskan semula pembangunan projek ECRL dan nyatakan apakah syarat tambahan yang akan dinyatakan di dalam proses kelulusan tersebut.

44. PR-1411-L01215
Tuan Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan yang diterima oleh negara dari tahun 2009 hingga 2018 dan langkah-langkah yang bakal diambil bagi menarik pelaburan ke dalam negara ini.

45. PR-1411-L01313
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah terdapat jurang perbezaan ketara antara pesara tentera skim terkini dengan pesara tentera yang masih berada di dalam skim lama.

46. PR-1411-L00606
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengukuhkan nilai ringgit.

47. PR-1411-L00560
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status masalah jenayah di setiap negeri dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Polis DiRaja Malaysia di dalam mengatasi masalah ini.

48. PR-1411-L00824
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah implikasi negatif ekonomi dan sosial yang berlaku apabila Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa masih gagal dinaiktaraf sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa. Apakah kemajuan terkini projek pembesaran LTSIP.
49. PR-1411-L01055
Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah terdapat skim perumahan kos rendah yang dirancang untuk Bahagian Sarikei, jika tidak, kenapa.
50. PR-1411-L00188
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status semasa dan tahap kemajuan Pelan Rancangan Kawasan Kenyir (RKK) 2008-2020 di Tasik Kenyir yang menumpukan beberapa projek iaitu Projek Kenyir Island Hopping (KIH), Projek Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir (KTC) dan Taman Tema Air.
51. PR-1411-L00425
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah peruntukan yang telah digunakan untuk menurunkan atau membuang logo 1Malaysia di semua premis awam dan apakah rasional tindakan berkenaan dilakukan dalam kadar segera.
52. PR-1411-L01136
Tuan Shahrizukir bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian sudah melaksanakan semakan semula terhadap harga siling padi iaitu RM 1,200 yang tidak memadai disebabkan kos penanaman yg semakin tinggi.
53. PR-1411-L00421
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan prosedur permohonan kewarganegaraan untuk kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia oleh wanita warga asing tetapi ayah kepada kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia.

54. PR-1411-L00018
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peratus pinjaman negara dari luar negara berbanding pinjaman negara di dalam negara dan nyatakan sumber-sumber pemberi pinjaman tersebut dari luar dan dalam negara.
55. PR-1411-L01330
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-
- (a) apakah jumlah pengeluaran minyak dan gas yang dikeluarkan oleh Petronas dari Sabah dari tahun 2001 hingga 2018 secara terperinci mengikut pelantar pengeluaran dan pengusaha syarikat minyak terlibat dan jumlah nilai hasil pengeluaran tersebut untuk tempoh yang sama; dan
 - (b) apakah jumlah bayaran royalti minyak 5% (*cash payment*) yang dibayar setiap tahun kepada Kerajaan Sabah untuk tempoh yang sama.
56. PR-1411-L00895
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana dapatan Jawatankuasa Induk dan kemasukan ke kursus-kursus yang ditawarkan institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dapat meningkatkan ketelusan dan kelancaran pengambilan pelajar ke universiti awam, politeknik dan kolej komuniti dan mengurangkan keciciran pelajar-pelajar cemerlang SPM.
57. PR-1411-L00946
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah pembinaan rumah rakyat termiskin (PPRT) dalam tempoh 5 tahun terdahulu di seluruh negara dan dalam Parlimen Maran.
58. PR-1411-L00762
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan cadangan pembinaan klinik kesihatan di tapak yang disediakan di Pekan Sepupok, Niah dalam Parlimen Sibuti dan adakah janji RM50 juta oleh pihak Kerajaan lepas akan ditunaikan bagi kepentingan kesihatan luar bandar.

59. PR-1411-L00730
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian mampu dan bersedia mengeluarkan biji benih serta baka haiwan ternakan serta anak ikan untuk dibekalkan kepada petani, nelayan dan pengusaha bagi menaikkan lagi pertumbuhan industri pertanian, penternakan dan perikanan.
60. PR-1411-L00847
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimana 46.2 juta data peribadi pengguna perkhidmatan telekomunikasi berkait sistem "Public Cellular Blocking System" (PCBS) telah dicuri pada 2014, dan siapakah yang bertanggungjawab.
61. PR-1411-L00080
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan faktor yang mendorong Kementerian untuk mengeluarkan kenyataan bahawa harga makanan turun sebanyak 30 hingga 50 peratus selepas GST dikadarsifarkan sedangkan pada musim perayaan yang lalu, harga barang basah khususnya daging meningkat tinggi sehingga membebankan pembeli.
62. PR-1411-L01273
Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana tahap kesediaan Kerajaan dalam mengembalikan status Sabah dan Sarawak berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963 serta hak minyak bagi negeri-negeri pengeluar minyak.
63. PR-1411-L00448
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memastikan kesedaran penyakit mental dipertingkatkan dalam kalangan golongan wanita.
64. PR-1411-L00060
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menambah bilangan feri yang sedang beroperasi di Pulau Pinang sejurus dengan peningkatan penduduk yang menggunakan perkhidmatannya.

65. PR-1411-L01159
Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak Kementerian bagi melaksanakan penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN bagi peminjam berpendapatan RM4,000 ke bawah serta adakah tiada kajian dibuat sebelum janji tersebut dibuat.
66. PR-1411-L00677
Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jenis pemberian subsidi minyak yang akan diberikan kepada pengguna motorsikal 125 cc ke bawah dan kereta 1300 cc ke bawah, dan siapakah golongan yang layak untuk menerima subsidi itu.
67. PR-1411-L00647
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk menghadapi risiko kawasan banjir di sepanjang pesisiran tebing Sungai Perak jika mengalami hujan yang melebihi paras biasa.
68. PR-1411-L00325
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan dan peruntukan untuk membina sebuah pusat sukan di daerah Kuala Krai untuk manfaat belia.
69. PR-1411-L00354
Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah bentuk reformasi ekonomi Bumiputera yang bakal dirangka seperti yang dijanjikan dan apakah tindakan segera agar janji yang diberikan bukan hanya retorik semata-mata.
70. PR-1411-L01402
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan :-
- (a) apakah visi dan dasar semasa yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja; dan
 - (b) bagaimanakah penguatkuasaan undang-undang keselamatan pada masa ini dan berapakah peratusan majikan telah didakwa kerana kecuai.

71. PR-1411-L01412

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status projek perumahan seperti PR1MA, PPA1M, PPR, MyHome dan sebagainya sama ada diteruskan atau dijenamakan semula.

72. PR-1411-L(5)00003

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa kes pinjaman perumahan yang telah diluluskan oleh setiap bank kepada pemohon-pemohon rumah kos rendah.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R.12/2018) | Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2018 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 2. | (D.R.13/2018) | Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2018 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 3. | (D.R.15/2018) | Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

"BAHAWASANYA, berikutan dengan Pilihan Raya Umum Keempat Belas, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dibuat melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion dua ratus dua puluh sembilan juta lapan ratus lima ribu tiga ratus enam puluh satu ringgit (RM6,229,805,361) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2018 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 2 Julai 2018. "

4. (D.R.14/2018) Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

5. PR-1411-U(27)003
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

[Menteri Pendidikan]

6. PR-1411-U(27)004

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain. Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

[Menteri Pendidikan]

7. PR-1411-U(27)005

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

[Menteri Dalam Negeri]

8. PR-1411-U(27)006

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

9. PR-1411-U(27)007

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1411-U(27)008

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentang butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

11. PR-1411-U(27)009

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggap mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

[Menteri Pengangkutan]

12. PR-1411-U(27)001

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

13. PR-1411-U(27)002

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 09.08.2018 (Khamis)	1. YB Tuan Sivakumar A/I Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	1. Iltizam Masyarakat India Dalam Manifesto Pilihan Raya Ke-14	1. YB Menteri Dalam Negeri
2. 09.08.2018 (Khamis)	2. YB Tuan Ahmad Bin Hassan (Papar)	2. Memohon Untuk Pembinaan Jambatan Konkrit Tinggi Di Kaiduan, Papar	2. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**